



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



DAKWAH SEMASA MUSIBAH BANJIR DI MALAYSIA

DA'WAH DURING THE FLOOD DISASTER IN MALAYSIA

Nik Syadiyah Nasuha Zunnabli¹, Norazmi Anas^{2*}, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia

Email: 2022418352@student.uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Perak, Malaysia

Email: norazmianas@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia

Email: mohdz560@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 19.12.2023

Published date: 24.12.2023

To cite this document:

Zunnabli, N. S. N., Anas, N., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2023). Dakwah Semasa Musibah Banjir Di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (52), 442-451.

DOI: 10.35631/IJEPC.852034

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Musibah banjir yang sering berlaku saban tahun di negara kita menyebabkan usaha dakwah terjejas dan institusi dakwah utama umat Islam seperti masjid dan surau telah dijadikan pusat pemindahan sementara kepada mangsa banjir. Situasi ini mengundang peningkatan gejala sosial dalam masyarakat akibat kurangnya didikan agama seterusnya memberi kesan negatif kepada Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). Oleh itu, penulisan kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan konsep dakwah dari perspektif Islam, model-model dakwah teoritikal Islam dan keperluan dakwah Islam semasa musibah banjir di Malaysia. Dapatan kajian mendapati terdapat 10 model dakwah teoritikal Islam yang boleh dijadikan asas pembangunan model dakwah Islam semasa musibah banjir di negara kita khususnya gabungan model bersepadu dengan model atas talian atau media sosial. Ia sesuai dengan perkembangan zaman masyarakat digital yang menjadikan gajet atau peranti moden sebagai keperluan asas dalam kehidupan masa kini. Oleh yang demikian, diharap bahawa dapatan kajian dan model yang dicadangkan ini mampu menjadi salah satu solusi terhadap peningkatan gejala sosial semasa musibah banjir demi melahirkan masyarakat sejahtera selari dengan hasrat kerajaan Malaysia Madani.

Kata Kunci:

Banjir, Dakwah, Malaysia, Musibah

Abstract:

Flood disasters in Malaysia, occurring annually, significantly impact the da'wah efforts and institutions vital to Muslim communities. Mosques and suraus, central to religious education and guidance, transform into temporary evacuation centers during these crises. This shift negatively affects the Malaysian People's Well-Being Index (IKRM), amplifying social symptoms due to a lack of religious education. This paper explores the concept of da'wah from an Islamic perspective, presents Islamic theoretical da'wah models, and addresses the unique needs of Islamic da'wah during flood disasters in Malaysia. The study identifies ten Islamic theoretical da'wah models, proposing a combination of integrated models with online or social media strategies to align with the digital age's prevalence in society. As modern gadgets become essential in daily life, leveraging digital platforms becomes crucial for effective da'wah. The study aims to provide a comprehensive model that can serve as a solution to mitigate social symptoms during flood disasters, contributing to the realization of a prosperous society aligned with the goals of the Madani Malaysia government.

Keywords:

Da'wah, Islamic Perspective, Flood Disasters, Well-Being Index, Theoretical Models, Social Media, Digital Society, Madani Malaysia

Pendahuluan

Banjir merupakan musibah yang melanda negara sejak beberapa tahun kebelakangan. Hal ini disebabkan oleh perubahan iklim yang tidak menentu mengakibatkan kejadian banjir kilat biasa berubah menjadi banjir besar. Rentetan itu, banyak kerosakan harta benda telah berlaku bahkan turut melibatkan kehilangan nyawa serta mengakibatkan kerugian pelbagai pihak terutamanya rakyat dan kerajaan Malaysia. Impaknya, masyarakat menjadi bimbang, takut dan tertekan serta menjejaskan kesihatan, ekonomi, pendidikan dan aktiviti sosial dalam kehidupan seharian (Mustaffa, 2020) terutama aktiviti sosial dakwah Islam (Rohman & Faristiana, 2021). Lebih parah lagi pusat dakwah utama umat Islam terutamanya institusi masjid dan surau terpaksa ditutup, aktiviti keagamaan seperti kuliah agama harian, mingguan atau bulanan secara bersemuka terhad, terhalang, tergendala dan terhenti (Fauzi & Maghfiroh, 2020). Cabaran-cabaran ini dilihat bakal meningkatkan gejala sosial dalam masyarakat akibat kurangnya didikan agama (Muhyiddin & Ridouan, 2020) yang boleh mengundang peningkatan kes jenayah seterusnya memberi kesan negatif terhadap Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). Statistik menunjukkan bahawa anggaran kerugian yang dialami oleh kerajaan Malaysia akibat musibah banjir dilaporkan mencecah RM 6.1 billion bagi tahun 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022) dan RM 622.4 juta bagi tahun 2022 tidak termasuk Wilayah Persekutuan dan Putrajaya (Bernama, 2023). Selain itu, musibah banjir juga menyebabkan fasiliti masjid dan surau terjejas teruk, aktiviti atau program keagamaan Islam dihentikan serta dijadikan pusat transit mangsa banjir di kawasan terlibat (BERNAMA, 2021). Oleh yang demikian, dalam mendepani halangan dakwah ini, kita perlu kreatif mempelbagaikan cara berdakwah berasaskan konsep *murunah* (keanjalan) yang menjadi asas tasawwur Islam dalam pelaksanaan syariat (Bhukhari & Subri, 2020). Masyarakat perlu dididik dengan kepelbagaian pandangan dan keterbukaan terhadap beberapa perubahan yang berlaku berdasarkan ketetapan SOP agar dakwah Islam dapat diteruskan seiring dengan perkembangan semasa negara.

Konsep Dakwah Dari Perspektif Islam

Dakwah merujuk satu usaha menyeru manusia melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan yang ditegah oleh Allah SWT (Kamarudin et al., 2019). Ia bertujuan untuk meningkatkan keimanan kepada Allah SWT serta mengikut syariat-Nya (Abdullah & Abdullah, 2019). Semua para Rasul tergolong dalam kategori pendakwah, manakala pengikutnya pula sebagai pewaris pendakwah (Haronzah et al., 2019; Embong, et al., 2019). Kewajipan besar bagi seorang Muslim adalah meneruskan usaha dakwah dan tugas para anbiya. Ia suatu proses mengajar manusia untuk mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya berpandukan wahyu. Dakwah mempunyai hubungan dengan komunikasi dalam Islam kerana ia merupakan satu proses penyampaian ilmu disamping menguatkan hubungan antara sesama manusia seterusnya menyeru manusia agar melakukan kebaikan dan meninggalkan keburukan (Idris et al., 2019; Samed et al., 2019). Strategi dakwah pula boleh ditakrifkan sebagai suatu proses yang dijalankan serta ketetapan yang dirumuskan bagi menyampaikan ajaran Islam (Azwar, 2020).

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman, jika kamu membela agama Allah, nescaya Allah akan membela kamu untuk mencapai kemenangan dan meneguhkan pendirian kamu”

(Surah Muhammad 47:7)

Menurut tafsir Ibn Kathir, sesiapa yang menolong agama Allah iaitu dengan membela agamaNya akan diberikan pertolongan dengan dikukuhkan kedudukan dan pegangan hatinya di medan perang. Ayat ini pada asasnya adalah dikaitkan dengan seruan untuk berperang demi menegakkan kebenaran dan memperjuangkan agama. Namun begitu, mengikut situasi dan konteks di Malaysia boleh dikaitkan dengan usaha menyebarkan ajaran Islam dengan cara berdakwah. Usaha dakwah ini fleksibel mengikut kesesuaian dan situasi semasa seseorang. Justeru, Islam telah menggariskan beberapa peringkat dan metode dakwah yang boleh dilakukan (Muhammad, 2005).

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barangsiapa yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubah dengan tangan, jika tidak mampu dengan harus mengubah dengan lisan, jika tidak mampu hendaklah mengubah dengan hati. Itu adalah selemah-lemah iman”.

(Riwayat Muslim:78)

Kebelakangan ini masyarakat mengambil mudah tugas berdakwah kerana menganggapnya hanya tugas dan tanggungjawab pendidik, ulama dan orang alim sahaja. Hal ini menyebabkan kurangnya kesedaran untuk bersama menyebarkan syiar Islam dan sekaligus menyebabkan kurangnya aktiviti dakwah dalam kalangan masyarakat. Islam merupakan agama risalah untuk seluruh umat manusia amat menggalakkan umatnya mengamalkan konsep *amar makruf* (mengajak kebaikan) dan *nahi mungkar* (mencegah kemungkaran) yang turut menjadi syarat mutlak dalam melahirkan kesempurnaan dan keamanan dalam hidup bermasyarakat (Abdullah, 2018). Walaupun pada dasarnya tujuan asal berdakwah adalah mengajak manusia untuk lebih mengenal Allah SWT, namun konsep menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran merupakan salah satu jalan dan tunjang utama untuk menjadi Muslim yang baik dan mencapai redha Illahi (Syahmi & Osman, 2022).

Pelaksanaan dakwah bergantung kepada kemahiran dan kelebihan yang dimiliki oleh pendakwah. Kedua-dua elemen ini boleh didapati dan digilap berdasarkan kepada pengalaman dan kebijaksanaan seseorang penyampai dakwah. Terdapat tiga (3) strategi berkesan dalam menyampaikan dakwah iaitu: (i) Penyampaian dengan berhikmah atau bijaksana, (ii) Menasihati *mad'u* (sasaran dakwah) dengan peringatan yang baik atau *mau'izah hasanah* dan (iii) *Mujadalah* iaitu kaedah perbincangan antara *dai'e* dan *mad'u* (Abdullah, 2015). Namun begitu, setiap usaha dakwah yang dilakukan mempunyai dua aspek yang perlu dititikberatkan oleh setiap pendakwah iaitu isi kandungan dakwah yang hendak disampaikan dan kaedah penyampaian yang dipilih bagi menyampaikan isi kandungan ajaran Islam tersebut (Che Hasanusi & Osman, 2022). Kedua-dua aspek tersebut amat penting bagi memastikan setiap ajaran dakwah tersebut tidak menyeleweng dan mencapai objektif asal dakwah iaitu mengajak umat manusia lebih mengenali agama Islam.

Menurut Sayyid Qutb (1997), semasa melakukan usaha dakwah haruslah dilihat kepada situasi dan perihal *mad'u*. Cara dan intisari penyampaian hendaklah relevan dan bertepatan dengan tahap pemikiran dan keadaan *mad'u* agar mereka tidak merasakan beban dan mengelakkan mereka merasa terdesak dan dipaksa. Ia bagi menghindari kemungkinan mereka lebih jauh dari Islam sekaligus merasa takut untuk didekati pada masa akan datang. Justeru, kaedah dan isi penyampaian yang berhikmah amat penting dan perlu diteliti sebelum mendekati dan memulakan langkah bagi menyampaikan dakwah. Di samping itu, kaedah menasihati dengan perkataan yang baik dan murni bertujuan untuk menginsafkan *mad'u* dari kesalahan yang lalu juga disarankan untuk digunakan. Tindakan ini adalah bertujuan agar terbit kesedaran dan keazaman dari dalam diri mereka untuk meninggalkan perbuatan tersebut dan menjadi insan yang lebih baik (Che Hasanusi & Osman, 2022).

Kaedah dakwah lain yang dianjurkan adalah dengan berdialog dan bertukar fikiran antara dua pihak yang juga dikenali sebagai *mujadalah*. Hal yang perlu diberi perhatian apabila menggunakan kaedah ini dengan pemilihan kata dan intonasi suara semasa perbincangan dijalankan hendaklah sesuai dan bersopan santun. Namun begitu, pelaksanaan kaedah ini haruslah berasaskan ilmu pengetahuan yang mantap dari pendakwah itu sendiri (Che Hasanusi & Osman, 2022). Akhirnya, tanggungjawab dakwah ini adalah satu amanah besar yang memerlukan komitmen dan ilmu yang tinggi, pengalaman, bimbingan dari mereka yang lebih pakar serta kerjasama yang mantap antara masyarakat bagi melahirkan lebih ramai umat Islam yang lebih berkualiti dan harmoni sekaligus melahirkan masyarakat yang aman damai dan harmoni.

Pelbagai pendekatan dan cara boleh digunakan untuk penyebaran dakwah yang menjadikan komunikasi dakwah sebagai asas utama ke arah penggunaan teknologi pada zaman serba moden kini. Penglibatan orang dewasa, remaja dan kanak-kanak dengan penggunaan internet melalui media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan lain-lain (Ab Halim & Muslaini, 2018; Halim et al., 2019; Rosli et al., 2019) memudahkan lagi usaha penyebaran dakwah alaf baharu yang dapat disebarkan melalui penggunaan media sosial untuk mempelajari hukum-hukum agama, tuntutan haji dan umrah serta isu-isu semasa yang berlaku dalam Islam. Perantaraan dakwah melalui media sosial menyebabkan usaha dakwah dapat disebarkan lebih pantas tanpa sempadan masa dan ruang jika mempunyai rangkaian internet (Yusof & Tahir, 2017). Justeru itu, media sosial merupakan perantaraan dakwah yang pantas dan efisien selari dengan peredaran zaman. Oleh yang demikian, para pendakwah perlu mempersiapkan diri dengan ilmu berkaitan *ICT (Information and Communication Technologies)* dan berusaha

keras untuk mempelbagaikan medium dakwah agar ia sesuai dengan *mad'u* kini (Abdul Talib et al., 2017).

Model Dakwah Teoritikal Islam

Secara umumnya terdapat sepuluh (10) model dakwah teoritikal yang digunapakai dalam dakwah Islam dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Model Dakwah Teoritikal Islam

Model	Konsep
1 <i>Fardiyyah</i>	Penyampaian ajaran Islam secara bersemuka atau berhadapan melalui interaksi antara <i>daie</i> dan <i>mad'u</i> yang tidak dirancang serta mendapat maklum balas secara positif atau negatif, diterima atau ditolak pada masa tersebut (Said & Pratama, 2020).
2 <i>Fi'ah/Hizbiyyah</i>	Dakwah yang dilakukan kepada sekelompok orang samada kecil atau besar (anggaran 3-20 orang) secara berdialog bersemuka (Isma et al., 2018).
3 <i>Tarbawiyyah</i>	Proses dakwah yang berlangsung melalui proses interaksi pendidikan atau pengajar melalui peranan guru sebagai <i>daie</i> , manakala murid dijadikan sebagai <i>mad'u</i> yang berkembang dari sejarah dakwah Rasulullah SAW (Syihabuddin & Najmuddin, 2019).
4 <i>Bi'thiyah</i>	Dakwah yang dilakukan melalui utusan iaitu pendakwah mewakili utusan untuk menyampaikan ajaran Islam kepada <i>mad'u</i> (Hamdan, 2020).
Korespondensi	Model dakwah menggunakan surat-menyurat dalam menjalin komunikasi atau menyampaikan dakwah kepada <i>mad'u</i> (Qudratullah et al., 2021).
6 <i>Islahiyyah</i>	Dakwah pendamaian bagi menyelesaikan perseteruan, pertikaian dan konflik dalam skala mikro (antara individu dan keluarga) mahupun antara kumpulan masyarakat, etnik, suku, kabilah bahkan antara negara (Tajuddin & Ismail, 2019).
7 Organisasi	Dakwah dijadikan program atau kegiatan dari organisasi tertentu sesuai dengan kebijakan organisasi tersebut (Jalal et al., 2020)
8 Umum	Dakwah yang dilakukan oleh pendakwah seorang diri dengan <i>mad'u</i> ramai, tidak bersemuka atau bersemuka dan bersifat monolog dengan media cetak atau eletronik (Salih et al., 2019)
9 Bersepadu	Dakwah berasaskan prinsip kerjasama, kombinasi atau penggabungan pelbagai unsur dakwah (pendakwah, <i>mad'u</i> , tujuan dakwah, metode dan media dakwah) yang difahami, dipersiapkan dan dijalankan secara bersepadu sehingga menjadi suatu model dakwah yang dikehendaki oleh ajaran Islam yang Universal (Don et al., 2020)
10 <i>Online</i> atau <i>Sosial Media</i>	Penggunaan media baru menjadi salah satu alternatif bagi ulama untuk tetap menjalankan agenda dakwah secara atas talian (Anggrayni et al., 2020)

Sumber: Anggrayni et al., 2020; Hamdan, 2020; Gade, 2020; Don & Gade, 2015

Keperluan Dakwah Semasa Musibah Banjir Di Malaysia

Kesan negatif akibat daripada musibah banjir ini bukan hanya melibatkan kerugian harta benda dan kehilangan nyawa malah melibatkan gangguan emosi kepada golongan dewasa bahkan kanak-kanak (Md Nordin, 2022). Kanak-kanak yang terlibat memerlukan masa untuk memahami dan menerima situasi yang mereka hadapi dari musibah banjir tersebut. Sukar bagi mereka untuk menerima kenyataan apabila peralatan sekolah serta tempat tinggal mereka terjejas teruk sekaligus meruntuhkan semangat mereka untuk memulakan sesi persekolahan. Mangsa-mangsa yang terlibat pula mengalami masalah pembelajaran kerana susana pembelajaran yang kurang kondusif dan persediaan mental serta fizikal tidak berada di tahap yang memuaskan. Mereka juga akan mengalami trauma iaitu mudah berasa takut dan cemas terutamanya golongan yang mengalami kehilangan orang yang tersayang. Kanak-kanak juga mengalami kesukaran untuk berenggang dengan ibu bapa ataupun penjaga masing-masing serta mengalami kerisauan melampau pasca musibah (Abdul Hadi, 2022).

Meninjau dari sudut ekonomi, impak dari musibah banjir pada tahun lalu di Lembah Klang hampir menyebabkan krisis ekonomi di negara kita. Kepadatan penduduk di kawasan yang terlibat telah memberikan tekanan kepada pihak kerajaan kerana kurangnya sumber bekalan air bersih dan beberapa laluan utama yang terputus kerana paras air yang membimbangkan (Zainuddin, 2021). Sementara itu, bagi kawasan kampung, para petani dan penternak juga mengalami kerugian yang besa sekaligus menjejaskan sumber pendapatan utama mereka. Kerugian sehingga mencecah RM57.0 juta telah dilaporkan berikutan kawasan pertanian penduduk yang terlibat. Hal ini boleh kita simpulkan bahawa, meskipun musibah banjir hanya disebabkan takungan air, namun impak semasa dan selepas musibah ini amat besar dan mendalam. Lebih membimbangkan lagi, musibah ini boleh disebutkan sebagai rutin tahunan di negara Malaysia. Justeru, beberapa langkah dan inisiatif lain perlu diambil bagi mengurangkan risiko dan kos yang terjejas.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: ‘Innaa lillaahi wa innaa ilaihi raaji’uun (Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali).’ Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan daripada Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayahNya.”

(Al-Baqarah 2: 155-158).

Maksud firman Allah SWT di atas jelas menunjukkan bahawa manusia akan diuji dengan pelbagai ujian dan musibah dalam hidup, maka manusia yang tertimpa ujian atau musibah tersebut perlu sabar dan redha dengan ketentuanNya. Selain itu, mangsa musibah perlu ditenangkan serta diperingatkan dengan wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta menerima segala qada’ dan qadar Allah dengan berlapang dada serta terus mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah SWT. Quraish Shihab dalam Tafsir al-Misbah menyatakan bahawa musibah adalah *sunnatullah* ujian kepada setiap manusia dan merupakan rahmat yang tersembunyi dari Allah SWT (Darmawan, 2018). Ia mampu dilalui dengan beriman kepada takdir Allah, yakin setiap hikmah di sebalik musibah dan sentiasa bermuhasabah diri. Selain itu, musibah yang

menimpa kita berpunca dari akhlak buruk atau maksiat yang kita lakukan sendiri yang berfungsi sebagai teguran kepada kita supaya memperbaiki diri (Najikh, 2021; Rafiqah, 2021).

Para pendakwah juga perlu sentiasa memberikan nasihat, motivasi dan pelan tindakan berkesan berpandukan Islam demi meningkatkan tahap keyakinan untuk meneruskan kehidupan pada masa depan. Dakwah merupakan suatu proses kesinambungan untuk membaiki sesuatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik melibatkan proses, transformasi dan perubahan (Azwar, 2020). Setiap individu Muslim hendaklah menggunakan kebijaksanaan dan cara yang berhikmah bagi memastikan tujuan asal dakwah tercapai dan berjaya. Justeru, antara metod yang boleh digunakan adalah dakwah *bil hal* yang turut disamakan dengan menunjukkan model akhlak dan keperibadian yang mulia. Selain itu, rutin harian dan gaya hidup seseorang juga boleh dijadikan sebagai salah satu medium dakwah termasuklah segala yang dikongsikan dan dimuatnaik dalam media sosial (Ab Latif et al., 2022).

Wihartati (2014) menyatakan bahawa strategi dakwah kepada mangsa bencana alam seperti banjir berbentuk *Irsyad* (Bimbingan) Islam dan *Tathwir* (Motivasi) Islam melalui metode dakwah *Mau'idzah al Hasanah* (nasihat yang baik), *Bil Mal* (harta benda), *Bil Hal* (Tindakan) dan tindakan berkumpulan. Ia selari dengan Noor dan Noor (2021) yang menyatakan bahawa metode-metode dakwah tersebut berperanan menjaga kemaslahatan mangsa banjir dari perspektif lima (5) prinsip *maqasid shariah dharuriyyat* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, dirumuskan dakwah ketika musibah banjir dituntut dalam Islam agar mangsa banjir terus dibela dan dijaga kebajikan mereka selari dengan kehendak syarak Islam.

Kesimpulan

Musibah banjir yang melanda manusia menjadi peringatan dari Allah SWT terhadap perbuatan manusia yang berakhlak buruk dan maksiat. Walaupun begitu, usaha dakwah perlu diteruskan agar masyarakat mendapat bimbingan agama yang sewajarnya serta membendung gejala sosial semasa musibah banjir demi melahirkan masyarakat sejahtera selari dengan hasrat kerajaan Malaysia Madani.

Penghargaan

Kajian ini ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia di bawah geran penyelidikan FRGS 2022, kod penyelidikan FRGS/1/2022/SSI0/UITM/02/13 yang bertajuk Model Dakwah Interaktif Bersepadu berteraskan Teori Penerimaan Teknologi Islam (IslamTAM) semasa Musibah.

Rujukan

- Ab Halim, F., & Muslaini, M. S. M. (2018). Impak media sosial terhadap tingkah laku sosial pelajar di kolej vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Ab Latif, M. N. H., Dollah, A., Ariffin, I., Ramli, M. F. M., Salleh, S. F., Mansor, N. S. A., ... & Embong, R. (2022). Penerapan Konsep Dakwah bi al-Hal dalam Mendepani Dunia Siber di Kalangan Masyarakat Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 80-93.
- Abdul Hadi, N. I. (2022). Kesihatan Mental Kanak-kanak Ketika Banjir: Apa Yang Perlu Ibu-bapa Perlu Tahu?. Diambil dari <https://awaleducation.com/kesihatan-mental-kanak-kanak-ketika-banjirapa-yang-perlu-ibu-bapa-perlu-tahu>

- Abdul Talib, N. A. B., Abdullah, M. Y., & Salleh, M. A. M. (2017). Cabaran Dakwah Islam Di Alam Siber. *e-BANGI Journal*, SI, 1-10.
- Abdullah, M. I. (2018). Konsep Dakwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Pembinaan KeIslaman Rakyat Negeri Kelantan. *Al-Idarah: Jurnal Manajemen dan Administrasi Islam*, 2(1), 119-136.
- Abdullah, N. E. A., & Abdullah, B. (2019). Peranan Wanita Muslimah dalam Dakwah kepada Keluarga dan Masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 16-27.
- Abdullah, S. (2015). *Pendekatan dakwah kepada remaja di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu*.
- Anggrayni, D., Christie & Indria (2020). Model Dakwah Online Pada Masa Pandemi: Kajian Seminar Internasional Media dan Dakwah Online 25 Malaysia Brunei Darussalam dan Indonesia di Fakultas Agama Islam Ibn Khaldun Bogor. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemi*. Diambil dari <https://www.ukm.my/bicaradakwah/wpcontent/uploads/2020/11/BD21-3.pdf>
- Azwar, W. (2020). *Sosiologi Dakwah*. Prenada Media.
- BERNAMA (2021, Disember 26). Banjir: Masjid, kuil jadi pusat transit tidak rasmi edar sumbangan orang ramai. Diambil dari <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2037824>
- Bernama (2023). Kerugian akibat banjir tahun lalu cecah RM622.4 juta. Diambil dari <https://www.sinarharian.com.my/article/246671/berita/nasional/kerugian-akibat-banjir-tahun-lalu-cecah-rm6224-juta>
- Bhukhari, A. M., & Subri, I. M. (2020). Mendepani cabaran pandemik Covid-19 di Malaysia: Aplikasi konsep murunah dalam fiqh ibadah. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 9(1), 11-23.
- Che Hasanusi, C. N. H. & Osman, K. (2022). Manhaj dan Strategi Dakwah Nabi Ibrahim AS Dalam Al Quran. In *Seminar Dakwah dan Wahdah Al-Ummah*, 14-15 Julai 2022, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Darmawan, C. (2018). Musibah Di Era Modern Dalam Perspektif Pemikiran Quraish Shihab. *Yonetim: Jurnal Manajemen Dakwah*, 1(1), 77-102.
- Don, A. G., Mohamad, A. D., Mohktar, A. I., Puteh, A., Muhamat, R., Osman, K., ... & Aini, Z. (2020). Dakwah Membina Kesejahteraan Hidup Masyarakat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 1-14.
- Embong, W., Hassan, W., & Jasmi, K. A. (2019). *Perspektip Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia*. Skudai: Jasamax Enterprise.
- Fauzi, A., & Maghfiroh, E. (2020). Problematika dakwah di tengah pandemi covid-19. *Al-Hikmah*, 18(1), 23-32.
- Gade, S., & Don, A. G. H. (2015). Model Dakwah: Satu Analisis Teoritik Dakwah Model: A Theoretical Analysis. *Ulūm Islāmiyyah Journal*, 16(16), 23-41.
- Halim, A., Zakirah, Z., Azmi, D. S., & Marni, N. (2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. In *Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia. Anjuran Akademi Tamadun Islam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai* (Vol. 15).
- Hamdan, H. (2020). Quotes in Socmed; Sebuah Model Dakwah di Medsos. *Jurnal Mercusuar*, 1(1), 33-42.
- Haronzah, M. F., Mani, I., & Embong, W. H. W. (2019). Media Sosial dan Facebook Menurut Islam. *Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, 13, 1.
- Idris, M. R., Abd Rashid, R., & Jasmi, K. A. (2019). Konsep Amal Makruf dan Nahi Mungkar untuk Pembentukan Masyarakat Cemerlang. In *Kertas kerja Dibentangkan di Seminar*

- Institusi Islam. Anjuran Akademi Tamadun Islam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai* (Vol. 18).
- Isma, I., Syamsuddin, R. S., & Zuhri, N. S. (2018). Model Dakwah Hizbiyah. *Tabligh: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 3(4), 370-388.
- Jalal, B., Ab Ghani, S., Ismail, A. S., & Saudi, S. (2020). Pengurusan Dakwah Organisasi: Kompetensi Pendakwah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 3(2), 37-49.
- Kamarudin, M. A., Kamal, M., Syakir, M., & Safar, J. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. In *Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Md. Nordin (2022, Januari 11). Beri sokongan emosi kepada murid mangsa bencana banjir. *Berita Harian Online*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2022/01/910092/beri-sokongan-emosi-kepada-murid-mangsa-bencana-banjir>
- Muhammad, A. (2005). *Tafsir Ibnu Kathir, jilid 7*. Pustaka As-Syafie.
- Muhyiddin, A. D., & Ridouan, A. (2020). Peranan Ahli kariah masjid dalam mengimarahkan aktiviti-aktiviti masjid: Satu kajian di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab, Pahang Darul Makmur. *Jurnal Al-Sirat*, 19(1), 117-134.
- Mustaffa, N. B. (2020). Mengatasi Kebimbangan Semasa Pandemik Covid-19 Dengan Pendekatan Teori Rational Emotive Behaviour Therapy (REBT). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 10-16.
- Najikh, A. H. (2021). Komunikasi Dakwah pada Ayat-Ayat Pandemi. *Al-Hikmah*, 19(1), 39-50.
- Noor, M. I. B. M., & Noor, F. N. B. M. (2021). Kemaslahatan Mangsa Banjir Menurut Perspektif Maqasid Syariah. In *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)*.
- Qudratullah, S., Sos, M., Wandu, S., & Kom, M. I. (2021). *Dakwah dan Komunikasi: Konsep dan Perkembangan*. Penerbit Lakeisha.
- Rafiqah, L. (2021). Bencana dan Cara Pandang Pengelolaan Bencana Berbasis Dakwah. *Dakwatul Islam*, 5(2), 89-99.
- Rohman, Y. F., & Faristiana, A. R. (2021, September). Network Society, Dakwah, Dan Perubahan Sosial Di Era Pandemi Covid-19. In *Proceeding of Conference on Strengthening Islamic Studies in The Digital Era* (Vol. 1, No. 1, pp. 295-307).
- Rosli, T., Muniandy, Y., Jasmi, K. A., Rosli, T., Muniandy, Y., & Jasmi, K. A. (2019). Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.
- Said, S. A., & Pratama, F. A. (2020). Metode Dakwah Pada Komunitas Marjinal. *Al-Mishbah: Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi*, 16(2), 265-282.
- Salih, M. A., Khalid, H. M., Kahar, R. A., & Zahari, W. W. (2019). Analisis terhadap Model-model Penilaian Laman Sesawang Islam Berbentuk Dakwah di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 263-282.
- Samed, M. H., Salman, M. M., & Jasmi, K. A. (2019). Konsep amar makruf dan nahi mungkar dalam kerukunan keluarga. In *Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam. Anjuran Akademi Tamadun Islam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai* (Vol. 18).
- Sayyid Qutb (1997). *Fi Zilal Al-Quran*. AlSyuruq Al Bayt. jil 4.
- Syahmi, S. & Osman, K. (2022). Konsep Dakwah Amar Ma'ruf Nahi Munkar Menurut Imam Al-Ghazali. In *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022*. 14-15 Julai 2022, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

- Syihabudin, S., & Najmudin, N. (2019). Pendidikan Dalam Perspektif Al-Qur'an Dan Al-Sunnah: Kajian Atas Istilah Tarbiyah, Taklim, Tadris, Ta'dib Dan Tazkiyah. *TARBAWY: Indonesian Journal of Islamic Education*, 6(2), 193-209.
- Tajuddin, Z. A., & Ismail, A. M. (2019). Pelaksanaan Program Dakwah Dalam Kalangan Pekerja Industri Kecil Sederhana (IKS). *Borneo International Journal*, 1(3), 12-18.
- Wihartati, W. (2014). Dakwah Pada Korban Bencana Alam dan Bencana Sosial. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 34(1).
- Zainuddin, M. Z. (20 Desember 2021). Banjir: Perlu Bertindak Elak Kesan Ekonomi. Diambil dari <https://api.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2021/12/901553/banjir-perlu-cepat-bertindak-elak-kesan-ekonomi>